

MENGGUBAL KURIKULUM DAN JAMINAN KUALITI HUFFAZ ASIA TENGGARA DALAM MELAHIRKAN PROFESIONAL RABBANI ALAF 21

(Ucap-utama Prof. M. Kamal Hassan pada perasmian Webinar Serantau:
Kelestarian Pengajian Tahfiz pasca Pandemik Covid 19 pada 19 Oktober
2021, di USAS, Perak Darul Ridwan)



الحمد لله الذي بنعمته تتم الصالحات، وبفضله تنزل
الخيرات والبركات، وبتوفيقه تتحقق المقاصد والغايات، وأزكى
صلوات الله وتسليماته على سيدنا وحبينا محمد المبعوث رحمة
للعالمين وداعيا إلى الله بإذنه وسراجا منيرا وعلي آله وصحبه
أجمعين ومن تبعهم بإحسان إلى يوم الدين. سبحانك لا علم لنا إلا
ما علمتنا إنك أنت العليم الحكيم ولا حول ولا قوة إلا بالله العلي
العظيم. أما بعد.

Pendahuluan

Sebagaimana yang kita ketahui, Dasar Pendidikan Tahfiz Negara Malaysia telah menggariskan lima teras utama pendidikan tahfiz seperti berikut:

1. Memantapkan Undang-Undang dan Penguatkuasaan.
2. Mewujudkan Model Institusi Tahfiz.

3. Mewujudkan Kurikulum Tahfiz Yang Sesuai Dengan Pendidikan Arus Perdana.
4. Memperkasakan Tadbir Urus Institusi Tahfiz.
5. Mewujudkan Sistem Pengiktirafan dan Pensijilan Bagi Institusi Tahfiz.

Dalam menghadapi masa depan Alaf 21 di Asia Tenggara yang penuh dengan cabaran-cabaran baru dan rumit, sistem pendidikan tahfiz akan tetap berpijak di atas landasan falsafah pendidikan islam universal yang merangkumi konsep-konsep ***al-Rabbaniyyah, al-Takamul, al-Shumuliyyah, al-Itqan, al-Waqi`iyyah, al-Thabat wa al-Murunah, al-Insaniyyah dan al-I`tidal.***

Kita bersyukur ke hadrat Ilahi kerana pelbagai langkah positif dan proaktif telah diambil bagi meningkatkan pencapaian kualiti institusi tahfiz di Indonesia dan Malaysia. Namun masih banyak ruang dan peluang yang perlu diperkasakan bagi memantapkan institusi tahfiz sebagai institusi pengajian Islam yang dinamik dan cemerlang di peringkat Asia Tenggara dan global. Ruang lingkup pemantapan seperti penstrukturan pengurusan, peningkatan kualiti pedagogikal guru, penaiktarafan dan pengiktirafan, pemantapan kebolehan kepimpinan, pemantapan budaya serta sosial, pemantapan pengurusan urus tadbir dan penjanaaan daya saing institusi tahfiz perlulah realistik dan kemas kini agar setaraf dengan pusat-pusat pendidikan arus perdana yang lain.

Saya percaya institusi tahfiz sewajarnya memainkan peranan penting bukan sahaja untuk melahirkan sumber manusia yang profesional bertaraf dunia dalam bidang-

bidang pendidikan Al-Quran, malah membangunkan potensi modal insan yang holistik dan bersepadu yang dapat memenuhi dan meningkatkan kualiti peradaban ummah Islamiyyah di rantau ini.

Kita yakin bahawa keberkesanan dan kecemerlangan sesebuah institusi tahfiz ditampung oleh kemampuan dan keupayaan pengusaha atau pengurus institusi tahfiz untuk menangani kepincangan kepimpinan dan pengurusan secara teratur dan terancang. Dalam konteks ini, kepimpinan dan pengurusan tahfiz perlulah berusaha ke arah mewujudkan suatu sistem pengurusan pendidikan yang baik bukan sahaja bagi memastikan kelancaran perjalanan pentadbirannya, malahan dapat menghasilkan produk iaitu pelajar yang cemerlang, gemilang dan terbilang yang mampu memenuhi kehendak masyarakat, ummah dan negara. Jika dilihat secara mendalam, beberapa langkah yang boleh dilakukan untuk mencapai standard pengurusan yang terbaik seperti perancangan pengurusan, keberkesanan pentadbiran institusi, pengurusan kurikulum dan kokurikulum yang baik, kemudahan dari segi fasiliti, kebergunaan sumber-sumber pengurusan, pembangunan sumber manusia dan peningkatan perhubungan antara satu sama lain.

Bagi melahirkan generasi huffaz yang berkualiti, bersepadu dalam pembangunan kecerdasan fizikal, kecerdasan emosional, kecerdasan intelektual, kecerdasan kerohanian, kecerdasan sosial dan kecerdasan menangani krisis dalam alam tabi`i, pemilihan kurikulum yang sesuai memainkan peranan yang kunci. Pelaksana kurikulum sebagai guru atau

murabbi kepada pelajar menjadi agen perubahan utama dalam mewujudkan ekosistem pendidikan yang selesa dan dapat memberi impak yang signifikan dalam kecemerlangan pelajar sebagai calon huffaz yang cemerlang. Dalam konteks membina keupayaan tenaga pengajar institusi tahfiz yang memiliki kualiti yang bersifat kontemporari dan relevan dengan zamannya, beberapa kriteria perlu diberikan perhatian iaitu berpotensi menerima perubahan, mengutamakan kualiti pengeluaran dalam bidang kerjayanya, sentiasa peka dan mengikuti perkembangan semasa, dan memanfaatkan perkembangan teknologi maklumat sebaiknya, mengingatkan bahawa era 4IR dan 5G akan berubah lagi di masa hadapan.

Kepelbagaian Kurikulum Tahfiz

Sebelum berbicara tentang pentingnya proses penggubalan kurikulum dan jaminan kualiti pendidikan tahfiz, ada baiknya kita meninjau kembali model-model institusi tahfiz di Malaysia seperti berikut:

Model 1: Kurikulum Bersepadu Tahfiz

Model ini menjalankan pengajian tahfiz bersama-sama Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Murid akan mengikuti mata pelajaran yang ditawarkan dalam KBT dan KSSM. Sasaran hafazan al-Quran adalah 30 juz sepanjang 5 tahun persekolahan. Di Malaysia, tahfiz yang bersepadu dengan ilmu sains dan ilmu kemanusiaan dimasukkan dalam model KBT ini.

Model 2: Tahfiz Turath

Model ini menjalankan pengajian tahfiz bersama-sama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), serta pengajian agama Islam berdasarkan kitab turath (atau Kitab Kuning). Murid akan mengikuti mata pelajaran yang ditawarkan dalam KBD, KSSM dan kitab turath. Sasaran hafazan al-Quran adalah 30 juz sepanjang 5 tahun persekolahan.

Model 3: Latihan Kemahiran dan Program Tahfiz

Model ini menjalankan latihan kemahiran sebagai asas pengajian utama, yang dijalankan bersama-sama program pengajian tahfiz serta Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Murid akan mengikuti latihan kemahiran (Teknikal dan Vokasional) seperti TVET, pertukangan, penternakan dan lain-lain mengikut kursus yang ditawarkan oleh penyedia latihan kemahiran dan mata pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Sasaran hafazan al-Quran adalah 5 juz sepanjang 5 tahun persekolahan.

Pada hemat saya, **Maahad Tahfiz Sains** (MTS) perlu di pisahkan menjadi model ke 4. Di Kelantan, Maahad Tahfiz Sains (MTS) adalah cetusan daripada idea al-Marhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat semasa beliau menjadi Menteri Besar Kelantan. Beliau berhasrat untuk melahirkan profesional Mukmin yang berketrampilan dan menghafaz serta menghayati

Al-Quran (saintis berjiwa Islam). Beliau juga ingin mengubah kefahaman masyarakat yang silap mengenai sains yang dikatakan tidak Islam. Ringkasnya beliau ingin menyepadukan sains dengan Islam. Falsafah penubuhan MTS juga berdasarkan falsafah pendidikan Yayasan Islam Kelantan. Antara objektif penubuhannya adalah untuk melahirkan : 1. Saintis dan profesional al-Quran yang menghafaz al-Quran dan menghayati kandungannya. 2. Generasi al-Quran yang mampu menghayati dan menghafal al-Quran, menguasai ilmu waqie dan syarie serta memiliki sahsiah terpuji di samping mempunyai kecerdasan mental dan fizikal. Pengajian di MTS adalah selama lima tahun. Ia menggunakan tiga kurikulum utama iaitu Kurikulum Tahfiz al-Quran, Pengajian Agama dan Bahasa Arab serta KBSM. Penumpuannya adalah kepada kesepaduan antara ilmu-ilmu syarie (agama) dengan ilmu waqie (KBSM) seperti matapelajaran fizik, biologi dan lain-lain. Menurut pengetua pertama, pelaksanaan kesepaduan masih lemah dan belum mencapai objektif. Setakat ini MTS tidak mempunyai modul atau model tertentu untuk menyepadukan ilmu syarie (alQuran) dan waqie (sains). Model ini perlu diperkukuhkan dari segi kurikulum yang bebar-benar bersepadu dan kewujudan guru-guru sains yang terlatih secara professional. (**Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan; Satu Pengamatan Awal**” oleh Dr. Noor Hisham Md Nawi dari

<http://umkeprints.umk.edu.my/6189/1/4th%20International%20Conference>)

Suatu lagi model sains dan tahfiz yang sudah lama wujud dalam Sekolah menengah Sains Mara (MRSM) di namakan MRSM Ulul Albab yang berjaya menghasilkan pelajar Muslim yang cemerlang dalam bidang sains, dan berjaya menghafal semua atau sebahagian al-Qur'an. Pendekatan model Ulul Albab menekankan 3 elemen penting yang disebut sebagai **Qur'anik, Ijtihadik** dan **Ensiklopedik**. "Qur'anik" merujuk kepada kemampuan menghafaz 30 juzuk ayat suci Al-Qur'an serta menjadikan Al-Qur'an sebagai satu budaya hidup seharian. "Ensiklopedik" pula dilihat kepada kebolehan menjadi pakar rujuk dalam pelbagai bidang ilmu dan bahasa. Manakala "ijtihadik" adalah keupayaan dapat menyumbang idea, membuat penyelesaian masalah, menginovasi dengan memaksimumkan hikmah akal fikiran yang dikurniakan Allah S.W.T dengan sebaik mungkin. Konsep ijtihadik ini juga selari dengan salah satu aspirasi murid yang ditetapkan dalam pelan pembangunan pendidikan 2015-2025 iaitu kemahiran berfikir (: <https://www.irujukan.my/ulul-albab-mrsm-sbp-tmua/>)

Kepelbagaian model pengajian tahfiz di Malaysia ini perlu di kembangkan lagi di masa hadapan supaya makin ramai murid dapat memasuki kurikulum tahfiz yang berintegrasi dengan lain-lain ilmu pengetahuan yang berguna di masa hadapan. Saya menekankan kepentingan memperkasakan dan menambahkan lagi jumlah Tahfiz Sains kerana sebab-sebab berikut: Pertama, masih sedikit jumlah pelajar-pelajar Islam yang mengambil mata pelajaran sains berbanding dengan kaum bukan Islam, pada hal di zaman silam, umat Islamlah yang memimpin dalam bidang sains dan teknologi. Sebab yang kedua, ialah bila kita bercakap

tentang melahirkan professional Rabbani di Alaf 21, ilmu sains dan teknologilah yang menjadi asas kemajuan peradaban masa depan yang membuka peluang-peluang baru dalam bidang-bidang pembangunan negara dan ummah yang memerlukan penguasaan ilmu sains yang tinggi dan masa kini. Sebab yang terakhir ialah ilmu sains moden masih lagi berdiri di atas pandangan alam naturalisme, positivisme, materialisme, mekanisme dan Neo-Darwinisme, yang semuanya bertentangan dengan pandangan alam Tauhidik. Penuntut aliran agama dan tahfiz dididik dengan ilmu naqli (agama) dan aqli (akademik) secara sempurna. Adalah diharapkan guru-guru sains dalam sekolah tahfiz sains di Malaysia, Indonesia dan Brunei akan dapat mengintegrasikan pandangan alam Tauhidik dalam pengajaran sains mereka.

Kurikulum ialah suatu program pendidikan yang mengandungi berbagai bahan pelajaran dan pengalaman belajar yang diprogramkan, dirancang secara sistemik atas dasar kelaziman atau kebiasaan yang berlaku yang dijadikan panduan dalam proses pembelajaran oleh pendidik dan peserta didik untuk mencapai tujuan Pendidikan. Dengan kata lain, kurikulum adalah pernyataan tentang tujuan-tujuan Pendidikan yang bersifat umum dan khusus dan bahan-bahannya dipilih dan diorganisasi berdasarkan suatu pola tertentu untuk kepentingan belajar dan mengajar...

Langkah-langkah menggubal kurikulum dan jaminan kualiti adalah seperti berikut:

1. Rumusan visi, misi dan tujuan pengajaran dan pembelajaran.

2. Penentuan Silibus
3. Pengorganisasian Silibus
4. Memilih pengalaman belajar
5. Pengorganisasian pengalaman belajar
6. Memilih tanda aras dan standard kualiti
7. Pentaksiran dan Evaluasi

Tujuan Melahirkan Profesional Rabbani

Pada hemat saya, perhatian khusus harus diberikan kepada pencapaian visi, misi dan tujuan yang telah ditentukan. Dalam judul ucap-utama yang diberikan kepada saya tujuan yang terpenting ialah “melahirkan professional rabbani Alaf 21”. Untuk memahami secara mendalam apa yang dimaksudkan dengan konsep “rabbani”, kitab oleh rujuk kepada takrifan yang diberikan oleh beberapa orang pakar rujuk. Berapa sumber rujukan yang saya semak mengemukakan berbagai takrifan seperti berikut:

1. Website Dr Khaled b. Uthman al-Sabt

- وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ

- الفوائد من قوله تعالى: وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ

- معنى وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ

- الصفة الأولى للعالم الرباني: الرسوخ في العلم

- الصفة الثانية للعالم الرباني: العمل
- الصفة الثالثة للعالم الرباني: الإخلاص للمعبود Ψ
- الصفة الرابعة للعالم الرباني: الفقه
- الصفة الخامسة للعالم الرباني: الحكمة
- الصفة السادسة للعالم الرباني: عزة النفس، والزهد بما في أيدي الناس
- الصفة السابعة للعالم الرباني: الورع
- الصفة الثامنة للعالم الرباني: التواضع
- الصفة التاسعة للعالم الرباني: الانضباط
- الصفة العاشرة للعالم الرباني: القدوة

• موقع فضيلة الشيخ أ. د. خالد ابن عثمان السبت

- تاريخ النشر: ٢٤ / جمادى الآخرة / ١٤٢٩

<https://khaledalsabt.com/lectures1>

2. Artikel Muhamad Alihanafiah Norasid, "Manhaj Rabbani oleh Sa'īd Ḥawwā dalam Pembangunan Modal Insan: Tumpuan kepada Karya al-Asās fī al-Tafsīr" dalam *Jurnal Usuluddin* 33 (Januari – Jun 2011):

Menurut Sa'īd Ḥawwā, kriteria muslim rabbani ialah mereka yang berilmu, mengabdikan diri

kepada Allah serta bersifat zuhud. Hasan al-Banna pula berpandangan bahawa elemen rabbani merupakan satu elemen asas kepada pembinaan kader dakwah dalam menjiwai pertautan utuh dengan Allah SWT, lantas ia menjadi benteng kepada para pendakwah daripada terjebak dengan fikrah kebendaan dan sebagainya. Pemahaman konsep rabbani turut dikembangkan oleh `Abd al-Rahman Hasan Habannakah al-Maydanī dalam perbincangan umat rabbani yang bersatu atas ikatan akidah Islam yang utuh serta melaksanakan suruhan Allah SWT dan meninggalkan larangan-Nya.

2. Huraian ilmiah oleh Dr. Badr `Abd al-Hamid Hamisah dalam <http://www.saaaid.net/Doat/hamesabadr/58.htm>

"مَا كَانَ لِبَشَرٍ أَنْ يُؤْتِيَهُ اللَّهُ الْكِتَابَ وَالْحُكْمَ وَالنُّبُوَّةَ ثُمَّ يَقُولَ لِلنَّاسِ كُونُوا عِبَادًا لِي مِنْ دُونِ اللَّهِ وَلَكِنْ كُونُوا رَبَّانِيِّينَ بِمَا كُنْتُمْ تُعَلِّمُونَ الْكِتَابَ وَبِمَا كُنْتُمْ تَدْرُسُونَ (79) سورة آل عمران

وأورد الطبري عدة أقوال في تعريف الربانيين فقال : \ " عن أبي رزين : \ " ولكن كونوا ربانيين \ " ، **حكما علماء** .وعن الحسن في قوله : \ " كونوا ربانيين \ " ، قال : **كونوا فقهاء علماء** .عن السدي في قوله : \ " كونوا ربانيين \ " ، أما \ " الربانيون \ " ، **فالحكماء الفقهاء** ،

وعن ابن وهب قال، سمعت ابن زيد يقول في قوله: "كونوا ربانيين"، قال: الربانيون: الذين يرتبون الناس، ثم قال الطبري ف"الربانيون" إذا، هم عمادُ الناس في الفقه والعلم وأمور الدين والدنيا. ولذلك قال مجاهد: "وهم فوق الأحرار"، لأن "الأحرار" هم العلماء، و"الرباني" الجامع إلى العلم والفقه، البصر بالسياسة والتدبير والقيام بأمر الرعية، وما يصلحهم في دنياهم ودينهم.. تفسير الطبري 541/6 وما بعدها

والربانيون هم: "الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ (2) وَالَّذِينَ هُمْ عَنِ اللَّغْوِ مُعْرِضُونَ (3) وَالَّذِينَ هُمْ لِلزَّكَاةِ فَاعِلُونَ (4) وَالَّذِينَ هُمْ لِفُرُوجِهِمْ حَافِظُونَ (5) إِلَّا عَلَىٰ أَزْوَاجِهِمْ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَانُهُمْ فَإِنَّهُمْ غَيْرُ مَلُومِينَ (6) فَمَنْ ابْتَغَىٰ وَرَاءَ ذَلِكَ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْعَادُونَ (7) وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمَانَاتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رَاعُونَ (8) وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَوَاتِهِمْ يُحَافِظُونَ (9) أُولَٰئِكَ هُمُ الْوَارِثُونَ (10) الَّذِينَ يَرِثُونَ الْفِرْدَوْسَ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ (11) سورة المؤمنون

والربانيون هم: "لَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ (2) الَّذِينَ يُقِيمُونَ الصَّلَاةَ وَمِمَّا رَزَقْنَاهُمْ يُنْفِقُونَ (3) أُولَٰئِكَ هُمُ الْمُؤْمِنُونَ حَقًّا لَهُمْ دَرَجَاتٌ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَمَغْفِرَةٌ وَرِزْقٌ كَرِيمٌ (4) سورة الأنفال

وهم الذين قال الله فيهم: "وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا (63) وَالَّذِينَ يَبِيَّتُونَ

وهم الذين قال الله فيهم: "وَعِبَادُ الرَّحْمَنِ الَّذِينَ يَمْشُونَ عَلَى الْأَرْضِ هَوْنًا وَإِذَا خَاطَبَهُمُ الْجَاهِلُونَ قَالُوا سَلَامًا (63) وَالَّذِينَ يَبِيَّتُونَ لِرَبِّهِمْ سُجَّدًا وَقِيَامًا (64) وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا اصْرِفْ عَنَّا

عَذَابَ جَهَنَّمَ إِنَّ عَذَابَهَا كَانَ غَرَامًا (65) إِنَّهَا سَاءَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا
(66) وَالَّذِينَ إِذَا أَنْفَقُوا لَمْ يُسْرِفُوا وَلَمْ يَقْتُرُوا وَكَانَ بَيْنَ ذَلِكَ قَوَامًا
(67) وَالَّذِينَ لَا يَدْعُونَ مَعَ اللَّهِ إِلَهًا آخَرَ وَلَا يَقْتُلُونَ النَّفْسَ الَّتِي
حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَلَا يَزْنُونَ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ يَلْقَ أَثَامًا (68)
يُضَاعَفْ لَهُ الْعَذَابُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ وَيَخُذْ فِيهِ مَهَانًا (69) إِلَّا مَنْ تَابَ
وَأَمَّنْ وَعَمِلَ عَمَلًا صَالِحًا فَأُولَئِكَ يُبَدِّلُ اللَّهُ سَيِّئَاتِهِمْ حَسَنَاتٍ وَكَانَ اللَّهُ
غَفُورًا رَحِيمًا (70) وَمَنْ تَابَ وَعَمِلَ صَالِحًا فَإِنَّهُ يَتُوبُ إِلَى اللَّهِ
مَتَابًا (71) وَالَّذِينَ لَا يَشْهَدُونَ الزُّورَ وَإِذَا مَرُّوا بِاللَّغْوِ مَرُّوا كِرَامًا
(72) وَالَّذِينَ إِذَا ذُكِّرُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ لَمْ يَخِرُّوا عَلَيْهَا صُمًّا وَعُمْيَانًا
(73) وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا (74) أُولَئِكَ يُجْزَوْنَ الْغُرْفَةَ بِمَا صَبَرُوا
وَيُلَقَّوْنَ فِيهَا تَحِيَّةً وَسَلَامًا (75) خَالِدِينَ فِيهَا حَسُنَتْ مُسْتَقَرًّا وَمُقَامًا
. (76) سورة الفرقان

فالرَبَانِيُونَ هُم أُولَئِكَ الَّذِينَ أَخْلَصُوا لِلَّهِ تَعَالَى فِي عِبَادَتِهِمْ ، فَعَبَدُوهُ
وَحْدَهُ بِحَقِّ وَصَدَقَ ، اِمْتِثَالًا لِقَوْلِهِ سُبْحَانَهُ : إِنَّا أَنْزَلْنَا إِلَيْكَ الْكِتَابَ
بِالْحَقِّ فَاعْبُدِ اللَّهَ مُخْلِصًا لَهُ الدِّينَ (2) أَلَا لِلَّهِ الدِّينُ الْخَالِصُ وَالَّذِينَ
اتَّخَذُوا مِنْ دُونِهِ أَوْلِيَاءَ مَا نَعْبُدُهُمْ إِلَّا لِيُقَرِّبُونَا إِلَى اللَّهِ زُلْفَى إِنَّ اللَّهَ
يَحْكُمُ بَيْنَهُمْ فِي مَا هُمْ فِيهِ يَخْتَلِفُونَ إِنَّ اللَّهَ لَا يَهْدِي مَنْ هُوَ كَاذِبٌ
. كَفَّارٌ (3) سورة الزمر

ولقوله سبحانه : " قُلْ إِنْ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي لِلَّهِ رَبِّ
الْعَالَمِينَ (162) لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ
(163) قُلْ أَغْيِرَ اللَّهُ أْبْعِي رَبًّا وَهُوَ رَبُّ كُلِّ شَيْءٍ وَلَا تَكْسِبُ كُلُّ
نَفْسٍ إِلَّا عَلَيْهَا وَلَا تَزِرُ وَازِرَةٌ وِزْرَ أُخْرَى ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ مَرْجِعُكُمْ
. فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ فِيهِ تَخْتَلِفُونَ (164) سورة الأنعام

والربانيون هم العلماء العاملون الذين يخشون الله حق خشيته ،
 قال سبحانه : ﴿ إِنَّمَا يَخْشَى اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الْعُلَمَاءُ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ
 غَفُورٌ (28) إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنْفَقُوا مِمَّا
 رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تِجَارَةً لَّنْ تَبُورَ (29) لِيُوفِّيَهُمْ
 أَجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُمْ مِنْ فَضْلِهِ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ (30) سورة فاطر
 فهم لا يطلبون العلم إلا لله ولا يعلمونه إلا لله ، عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ،
 قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : مَنْ تَعَلَّمَ عِلْمًا مِمَّا
 يُبْتَغَى بِهِ وَجْهُ اللَّهِ ، لَا يَتَعَلَّمُهُ إِلَّا لِيُصِيبَ بِهِ عَرَضًا مِنَ الدُّنْيَا ، لَمْ
 يَجِدْ عَرْفَ الْجَنَّةِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ . يَعْنِي رِيحَهَا . أَخْرَجَهُ "أحمد"
 338/2 (8438) و"أبو داود" و"ابن ماجة" 252 و"ابن
 حبان" 78 .

184.

والربانيون هم الذين يصدعون بالحق ولا يخافون في الله لومة لائم
 ، قال تعالى : ﴿ الَّذِينَ قَالَ لَهُمُ النَّاسُ إِنَّ النَّاسَ قَدْ جَمَعُوا لَكُمْ
 فَاخْشَوْهُمْ فَزَادَهُمْ إِيمَانًا وَقَالُوا حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ (173)
 . سورة آل عمران .

عَنْ الْوَلِيدِ بْنِ عُبَادَةَ ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ : بَايَعْنَا رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ
 وَالرَّبَّانِيُونَ هُمُ أَوْلَئِكَ الَّذِينَ : ﴿ الَّذِينَ يُؤْفُونَ بِعَهْدِ اللَّهِ وَلَا يُنْقِضُونَ
 الْمِيثَاقَ (20) وَالَّذِينَ يَصِلُونَ مَا أَمَرَ اللَّهُ بِهِ أَنْ يُوصَلَ وَيَخْشَوْنَ
 رَبَّهُمْ وَيَخَافُونَ سُوءَ الْحِسَابِ (21) وَالَّذِينَ صَبَرُوا ابْتِغَاءَ وَجْهِ

رَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً وَيَدْرَءُونَ
بِالْحَسَنَةِ السَّيِّئَةَ أُولَئِكَ لَهُمْ عُقْبَى الدَّارِ (22) جَنَّاتٌ عَدْنٌ يَدْخُلُونَهَا
وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ
مِنْ كُلِّ بَابٍ (23) سَلَامٌ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ (24)
. سورة الرعد

Kesimpulan

Melihat kepada takrifan-takrifan di atas, dapat kita rumuskan betapa hebatnya, tingginya, mulianya dan luar biasanya sifat-sifat insan Rabbani yang menjadi ciri utama professional yang ingin dilahirkan daripada institusi tahfiz di Asia Tenggara. Saya percaya umat Islam di Asia Tenggara akan sangat memerlukan kewujudan golongan professional Muslim, Mukmin, Muttaqi dan Muhsin yang bergelar Rabbani pada abad 21 seterusnya, menjelang kedatangan Abad ke 16 Hijriyyah nanti. Golongan professional Rabbani inilah yang akan menjadi juru selamat ummah, negara dan peradaban manusia. Merekalah yang bakal menjadi pemimpin Ummatan Wasatan litakunu syuhada' `ala'n-nas" dan mereka adalah produk sistem pendidikan tahfiz umat Islam serantau yang berpandu kepada kurikulum yang *syumuliyah, insaniyyah, mu'asarah, wasatiyyah* dan *`alamiyyah*.

Sekian, terima kasih.

